

# Penubuhan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan: Kelebihan kepada Pekebun Kecil



*Pegawai TUNAS menunjukkan kaedah kawalan musuh dan penyakit sawit.*

## KANDUNGAN

□ Penubuhan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan: Kelebihan kepada Pekebun Kecil	1
□ Dari Meja Ketua Penyunting	2
□ Sudut Teknologi - Teknik Penanaman Sawit Condong Sehala di Tanah Gambut	4
□ Kuiz Sawit	7
□ Kenalilah... Tanah Gambut	8
□ Sudut Kreatif Sawit	9
□ Sedutan Akhbar	10
□ Tahukah Anda?	11
□ Diari & Peristiwa	13
□ Sembang Sawit	14
□ Profil Komoditi	15
□ Berita Bergambar	16
□ Peladang Jaya	18
□ Direktori MPOB	20
□ Senarai Tapak Semaian yang mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC)	27



ada 1 September 2007, Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (BPIP) dengan rasminya telah ditubuhkan. Sebelum ini, BPIP dikenali sebagai Unit Pembangunan

Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi di bawah Bahagian Penyelidikan Biologi. Matlamat BPIP adalah untuk meningkatkan produktiviti sawit dan sekali gus pendapatan pekebun kecil melalui penggunaan tanah yang maksimum serta penggunaan teknologi sawit yang terkini dan bersesuaian. Sehingga tahun 2007, terdapat 122 000 pekebun kecil persendirian mengusahakan tanaman sawit seluas 470 155 ha atau 11% dari jumlah keseluruhan kawasan tanaman sawit negara. BPIP mempunyai tiga unit iaitu Unit Pengembangan dan Latihan (UPL), Unit Integrasi Tanaman dan Ternakan (UITT) dan Unit Perundingan dan Pelaksanaan Projek (UPPP). Ketiga-tiga unit ini membantu pekebun kecil dari segi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman, mengoptimumkan penggunaan tanah serta menyalurkan bantuan yang disediakan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

UPL berperanan membangunkan sektor pekebun kecil yang progresif, dinamik dan produktif. Matlamat Unit ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekebun kecil supaya dapat mengamalkan teknologi terkini dalam pengurusan tanaman sawit mereka. Untuk mencapai matlamat ini, UPL telah merancang dan melaksanakan aktiviti pengembangan seperti ceramah, pertunjukan

*bersambung ke muka surat 2*

## Sidang Pengarang

PENASIHAT  
Dato' Dr Mohd Basri bin Wahid

PENGERUSI  
Dr Salmiah bt Ahmad

TIMBALAN PENERUSI  
Hj Suboh bin Ismail

KETUA PENYUNTING  
Hj Idris bin Omar

PENYUNTING  
Dr Norman bin Kamarudin  
Dr Ahmad Tarmizi bin Hashim  
Hj Esnan bin Ab Ghani  
Hj Wahid bin Omar  
Hj Zulkifli bin Abd Manaf  
Hj Mohd Azmi bin K Ismail  
Ab Aziz bin Md Yusof  
Mazlan bin Mustaffa  
Noor Asmawati bt Abdul Samad

SETIAUSAHA  
Nur Hanani bt Mansor

sambungan dari muka surat 1

kaedah dan lawatan ladang sawit individu. Aktiviti pengembangan ini dilaksanakan oleh pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) yang berjumlah 100 orang dan ditempatkan di seluruh Malaysia. Bagi meningkatkan keberkesanan khidmat nasihat dan latihan ini, bahan bercetak seperti *Berita Sawit*, *Risalah Sawit*, poster dan lain-lain lagi diedarkan kepada pekebun kecil sebagai bahan rujukan.

UPL juga mewujudkan petak demonstrasi sebagai model ladang sawit yang sempurna untuk diikuti oleh pekebun kecil. Sebanyak 50 petak demonstrasi sawit telah diwujudkan di seluruh negara terutamanya di kawasan di mana terdapat ramai pekebun kecil sawit. Petak demonstrasi ini juga digunakan sebagai tapak lawatan dan latihan untuk pekebun kecil.

BPIP juga menubuhkan Kelab 30 Tan sebagai kelab eksklusif di kalangan pekebun kecil yang telah berjaya menghasilkan buah tandan segar (BTS) melebihi 25 t/ha/thn. Ahli-ahli kelab 30 Tan juga diharap dapat menjadi contoh kepada pekebun kecil lain.

Selain pekebun kecil persendirian, BPIP juga bekerjasama dengan FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi perladangan kerajaan lain bagi

bersambung ke muka surat 3



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Penubuhan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (BPIP) pada 1 September 2007 menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pekebun kecil. Ini kerana hampir 122 000 pekebun kecil sawit individu pada masa ini menyumbang hampir 11% daripada 4.3 juta hektar keluasan tanaman sawit di Malaysia. Bagi mengisi keprihatinan ini dalam masa terdekat, BPIP akan menumpukan usaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil supaya semua pekebun kecil dapat melepasi tahap pendapatan kemiskinan. Justeru itu, BPIP akan melipatgandakan usaha pengembangan melalui Pusat TUNAS dan akan menumpukan penyelidikan integrasi tanaman/ternakan yang sesuai untuk pekebun kecil.

Peningkatan produktiviti dan dengan harga sawit yang tinggi serta stabil akan memberikan pendapatan yang tinggi. Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan 80% pekebun kecil memiliki kurang daripada 5 ha kebun sawit dengan purata keluasan 2.2 ha seorang. Pendapatan daripada keluasan tanaman sawit yang kecil ini tidak dapat meningkatkan pendapatan untuk melepasi tahap pendapatan kemiskinan. Pekebun kecil yang menghadapi masalah sedemikian perlu mencebur diri dalam aktiviti sampingan bagi mendapatkan pendapatan tambahan. Bagi pekebun kecil yang menanam semula, atau menanam sawit baru di mana sesuai mereka perlu menjalankan integrasi tanaman di kebun mereka. Ini dipermudahkan dengan adanya bantuan anak benih sawit dan integrasi tanaman di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi pemilik pokok matang, mereka boleh memohon bantuan ternakan integrasi kambing.

Sudut teknologi kali ini mengenengahkan teknologi penanaman sawit di tanah gambut iaitu teknik penanaman anak benih sawit condong sehala. Ini untuk mengatasi masalah pokok sawit condong secara rawak apabila pokok sawit membesar dan akan menyukarkan kerja penyelenggaraan dan penuaian. Teknologi ini bersesuaian dan bertepatan untuk pekebun kecil yang menanam sawit di tanah gambut.

Kerajaan boleh merancang dan menyediakan kemudahan untuk membantu pekebun kecil. Para penyelidik pula boleh mengeluarkan teknologi terbaik dan sesuai ke arah peningkatan hasil. Walau bagaimanapun kesemua ini tidak akan memberi manfaat sekiranya pekebun kecil sendiri tidak menggunakan kemudahan tersebut dan mengamalkan teknologi/amalan yang berkaitan dengannya. Adalah diharapkan, dengan adanya kemudahan (contohnya baja) dan bantuan daripada kerajaan serta digabungkan pula dengan teknologi terkini, pendapatan pekebun kecil akan dapat dipertingkatkan.

Idris bin Omar (idriso@mpob.gov.my)

sambungan dari muka surat 2



*Integrasi pisang dan sawit menggunakan sistem tanaman sawit dua baris berkembar.*

meningkatkan produktiviti ladang melalui Jawatankuasa Interaktif MPOB-Agensi yang mengadakan mesyuarat dua kali setahun.

Kebanyakan pekebun kecil sawit memiliki ladang sawit yang kecil iaitu kurang daripada 5 ha. Ini menyukarkan usaha untuk meningkatkan pendapatan sekiranya pekebun kecil hanya bergantung pada tanaman sawit sahaja. UITT menjalankan usaha bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan penanam sawit melalui penggunaan tanah yang optimum. Usaha ini dilakukan dengan mengintegrasikan tanaman sawit dengan tanaman lain atau ternakan. Beberapa jenis tanaman seperti pisang, nanas, tebu, kacang tanah, kacang soya, padi huma dan baktris didapati sesuai dan menguntungkan apabila diintegrasikan dengan tanaman sawit tanpa memberi kesan negatif kepada penghasilan sawit. Sistem tanaman sawit dua baris berkembar membolehkan integrasi tanaman dijalankan lebih lama. Ternakan lembu, kambing dan bebiri juga sesuai diintegrasikan dengan tanaman sawit dengan menggunakan kaedah ternakan intensif dan ragut menggunakan pagar elektrik. Amalan integrasi juga boleh meningkatkan tumpuan pekebun kecil terhadap ladang sawit. Ini kerana mereka akan lebih kerap memasuki ladang. UITT akan terus mengkaji dan

menilai tanaman baru dan ternakan yang berpotensi serta sesuai untuk diintegrasikan dengan sawit.

Modal yang mencukupi diperlukan untuk mengusahakan tanaman sawit, seperti membersihkan kawasan, membeli dan menanam anak benih sawit yang bermutu, mengawal musuh dan penyakit, membaja dan sebagainya. UPPP bertanggungjawab untuk mengagihkan bantuan yang disediakan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) seperti Skim Anak Benih Sawit Berkualiti, Sistem Tanaman Sawit Dua Baris, Integrasi Tanaman dan Ternakan kepada pekebun kecil. Unit ini juga memberi khidmat nasihat teknologi penanaman dan penyelenggaraan sawit kepada agensi-agensi kerajaan. Selain itu, UPPP juga menjalankan pemeriksaan tapak semaian untuk memastikan tapak semaian telah mencapai tahap pengurusan minimum seperti yang ditetapkan sebelum diberi Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian Sawit (OPNCC).

Penubuhan BPIP merupakan salah satu langkah yang telah diambil oleh MPOB untuk memajukan industri sawit negara, terutamanya sektor pekebun kecil. Penubuhan BPIP dijangka berupaya meningkatkan hasil sawit dan

*bersambung ke muka surat 12*

## SUDUT TEKNOLOGI

# TEKNIK PENANAMAN SAWIT CONDONG SEHALA DI TANAH GAMBUT

Di Malaysia, dianggarkan 10 juta hektar kawasan diklasifikasikan sebagai tanah sesuai untuk aktiviti pertanian. Kekurangan tanah yang sesuai telah menyebabkan penanaman sawit mula terarah ke kawasan tanah *marginal* dan bermasalah. Tanah gambut dengan keluasan hampir 2.6 juta hektar merupakan tanah marginal yang berpotensi untuk dimajukan dengan penanaman sawit. Sifat fizikal tanah gambut seperti rendah kepadatan pukal, paras air tinggi dan susutan tanah menyebabkan penanaman sawit menjadi sukar dan memerlukan pengurusan khas yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi berbanding di tanah mineral.

Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pelbagai pihak termasuk MPOB menunjukkan potensi pengeluaran hasil sawit di tanah gambut adalah setanding di tanah liat pantai (Gurmit, 2004; Mohd Tayeb, 2005). Kejayaan penanaman sawit di tanah gambut sangat bergantung pada tahap penggunaan teknologi yang diperkenalkan terutama dalam aspek kaedah penyediaan kawasan, teknik dan jarak tanaman, pengurusan air serta pembajaan. Artikel ini akan menerangkan

teknologi baru yang disyorkan oleh MPOB iaitu *Teknik Penanaman Sawit Condong Sehalal di Tanah Gambut*.

### Masalah Kejadian Pokok Condong dan Tumbang

Kejadian pokok sawit condong dan tumbang khususnya di tanah gambut adalah sesuatu yang lumrah dan faktor utama menjejaskan pertumbuhan dan pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS). Kejadian pokok condong dan tumbang juga boleh menjejaskan kecekapan operasi ladang terutamanya kerja penuaian dan pengangkutan BTS dalam ladang (*Rajah 1*). Kejadian pokok condong dan tumbang dipengaruhi oleh kaedah penyediaan ladang, teknik dan jarak penanaman, paras air ladang, umur pokok serta kedalaman gambut. Beberapa kajian telah dijalankan terutamanya dari segi kaedah penyediaan kawasan dan teknik penanaman untuk mengurangkan kejadian pokok sawit condong dan tumbang di tanah gambut.

*Jadual 1* menunjukkan bahawa hampir 94% pokok sawit yang ditanam secara teknik lubang dalam lubang di tanah gambut mengalami kecondongan atau tumbang dan hasil BTS berkurangan sehingga 25% berbanding pokok tegak, bergantung pada tahap kecondongan serta umur pokok semasa kejadian berlaku. Pokok yang condong atau tumbang perlu ditebang jika:

- *kissing palm* kerana menghalang lorong tuai, jalan dan parit ladang serta terlalu rapat; dan
- dua atau lebih pokok yang tumbang ke arah satu sama lain, pangkal batang rosak atau akar terputus.



*Rajah 1. Pokok condong dan tumbang di tanah gambut boleh mengurangkan hasil buah tandan segar (BTS) di samping menjejaskan operasi ladang.*

sambungan dari muka surat 4

**JADUAL 1. KESAN POKOK CONDONG DAN TUMBANG TERHADAP PENGELUARAN HASIL BUAH TANDAN SEGAR (BTS) DI TANAH GAMBUT**

Keadaan pokok	% kejadian	Pengeluaran Hasil BTS*	
		t/ha/thn	% pengurangan
Tegak	5.8	32.92	-
Condong semasa umur pokok 3-5 tahun	28.5	30.03	8.8
Tumbang semasa umur pokok 3-5 tahun	10.5	27.99	15.0
Tumbang semasa umur pokok 6-8 tahun	28.5	26.08	20.8
Tumbang semasa umur pokok 9-11 tahun	23.5	25.16	23.6
Tumbang semasa umur pokok 12-14 tahun	3.2	24.51	25.5

Nota: \* Purata terkumpul bagi tempoh 17 tahun penghasilan.

Sumber: Hasnol *et al.* (2007a).

### Kajian Teknik Penanaman Sawit Condong Sehala

Bagi mengatasi masalah kejadian pokok condong dan tumbang di tanah gambut, MPOB telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti teknik penanaman sawit yang sesuai khususnya di tanah gambut. Kajian telah dijalankan pada 1995 di Stesen Penyelidikan MPOB Sessang di Sarawak. Tiga teknik penanaman telah dikaji iaitu teknik penanaman lubang biasa, lubang dalam lubang dan lubang condong sehala (*Rajah 2*). Data pengeluaran hasil BTS dan kejadian pokok condong direkodkan bagi menilai keberkesanan setiap teknik penanaman yang dikaji.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa teknik penanaman condong sehala memberikan peratusan tertinggi kejadian pokok condong pada

peringkat pokok muda dan hampir 80% condong sehala di samping kurang 1% kejadian pokok tumbang (*Jadual 2*). Pengeluaran hasil BTS bagi tempoh tujuh tahun masih tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Faktor pemulihan awal pokok condong, kurang kejadian pokok tumbang dan arah condong sehala bagi teknik penanaman ini dijangka memberi kesan positif terhadap penghasilan BTS pada masa hadapan.

### Kaedah Teknik Penanaman Condong Sehala

1. Padatkan tanah di lorong tuai dan barisan tanaman menggunakan jengkaut (*excavator*). Pemadatan perlu dijalankan sebanyak dua hingga tiga pusingan sebelum kerja penanaman dilakukan (*Rajah 3a*).



Rajah 2. (a) Teknik penanaman biasa, (b) teknik lubang dalam lubang dan (c) teknik lubang condong sehala.


bersambung ke muka surat 6

sambungan dari muka surat 5

2. Gali lubang tanaman condong sehalu yang terdiri dari lubang tanaman berukuran 45 cm dalam x 30 cm lebar dan mempunyai dinding sebelah yang condong 45°. Lubang kedua bersebelahan lubang penanaman berukuran 30 cm dalam x 45-60 cm panjang x 30 cm lebar (*Rajah 3b*).
3. Tanam anak benih sawit berumur 12-14 tahun secara condong sehalu dengan kecondongan 45° (*Rajah 3c dan 3d*).
4. Lakukan pendalaman dan pelebaran lubang kedua bagi pokok sawit yang tidak kelihatan condong pada peringkat umur pokok 24 hingga 36 bulan selepas tanam.



*Rajah 4. Keadaan pokok sawit berumur enam tahun yang ditanam condong sehalu.*



*Rajah 3. Teknik penanaman sawit condong sehalu di tanah gambut.*

#### **Kebaikan Teknik Penanaman Sawit Condong Sehalu di Tanah Gambut**

- Tidak menghalang lorong tuai, jalan dan parit ladang kerana pokok akan condong sehalu dalam barisan tanaman.
- Menggalakkan kejadian pokok condong pada peringkat mula dan berlaku secara progresif. Keadaan ini dapat mengurangkan kehilangan hasil BTS (*Rajah 4*).
- Mengurangkan kejadian tumbang yang boleh menyebabkan kematian pokok.

#### **Kesimpulan**

Kejadian pokok condong dan tumbang merupakan satu masalah yang tidak dapat dielakkan bagi penanaman sawit di tanah gambut khususnya gambut dalam. Ini memberi kesan terhadap pengeluaran hasil BTS di samping menjejaskan kecekapan operasi ladang. Masalah kecondongan pokok dapat dikurangkan melalui teknik penanaman condong sehalu.

*bersambung ke muka surat 7*

sambungan dari muka surat 6

## JADUAL 2. KESAN TEKNIK PENANAMAN TERHADAP KEJADIAN POKOK CONDONG DAN TUMBANG SERTA HASIL BUAH TANDAN SEGAR (BTS) DI TANAH GAMBUT

Teknik penanaman	% kejadian			Purata hasil BTS* (t/ha/thn)
	Condong	Tumbang	Jumlah	
Lubang biasa	72.1	1.1	73.2	19.73
Lubang dalam lubang	62.7	1.2	63.9	19.83
Lubang condong sehala	79.3	0.5	79.8	19.93

Nota: \* Purata hasil BTS bagi tempoh tujuh tahun penghasilan.

Sumber: Hasnol *et al.* (2007b).

### Rujukan

GURMIT, S (2004). *Development and management of oil palm on peat – UPB'S experience*. Dibentangkan di ISP North Sarawak Branch Seminar on Oil Palm Cultivation and Management on Peat Soils. 14 Februari 2004. ISP, Miri, Sarawak. 10 hlm.

HASNOL, O; TARMIZI, A M dan KHAIRUMAN, H (2007a). *Performance of oil palm on deep peat in*

*relation to soil compaction and planting technique*. Proc. of the Malaysian Soil Science Conference (SOILS 2007). April 2007. Mukah, Sarawak.

HASNOL, O; TARMIZI, A M dan KHAIRUMAN, H (2007b). *Unit-slant: unidirectional slanting-hole planting technique for oil palm on deep peat*. MPOB Information Series No. 361. Jun 2007.

MOHD TAYEB, D (2005). *Technologies for Planting Oil Palm on Peat*. MPOB, Bangi. 83 hlm.



Sumbangan: Hasnol Othman (hasnol@mpob.gov.my);  
Farawahida Mohamad Darus (farawahida@mpob.gov.my) dan  
Mazli Eswa (mazewa@mpob.gov.my)

## ??????? Kuiz Sawit ????????

1. Apakah ciri-ciri asas *Compact Transporter*?
2. Berikan tiga kebaikan penggunaan *Compact Transporter*?
3. Namakan tiga jenis teres yang dibina di kawasan berbukit?
4. Berapakah kecerunan bukit yang memerlukan pembinaan teres?
5. Apakah poliuretana?

Jawapan di muka surat 14

# KENALILAH... TANAH GAMBUT

Tanah gambut dikategorikan sebagai tanah bermasalah. Oleh itu, hanya sebahagian kecil sahaja kawasan gambut yang telah diusahakan untuk aktiviti pertanian, sama ada tanaman jangka pendek atau jangka panjang.

Dianggarkan terdapat 2.6 juta hektar kawasan gambut iaitu 8% daripada jumlah keluasan keseluruhan tanah di Malaysia. Sarawak merupakan negeri terbesar mempunyai tanah gambut iaitu sebanyak 1.66 juta hektar. Tanah gambut biasanya terdapat di kawasan lembah atau paya yang terendam dan terletak di antara dataran tanah laut dengan kawasan tanah bukit dan juga di antara bukit.

Tanah gambut terhasil daripada pereputan bahan organik seperti daun, ranting dan kayu yang berlaku secara perlahan. Kandungan bahan organik dalam tanah gambut biasanya melebihi 65% daripada jumlah berat tanah dengan ketebalan lapisan organik melebihi 0.50 m. Kedalaman tanah gambut berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan lain. Kebiasaannya, tanah gambut berhampiran dengan pinggir bukit adalah gambut cetek dan menjadi lebih tebal di bahagian tengah. Tanah gambut biasanya terjadi di atas permukaan bahan dasar sama ada tanah liat atau pasir. *Rajah 1a* dan *1b* menunjukkan contoh keratan rentas untuk tanah jenis gambut cetek dan gambut dalam.

Gambut boleh dikelaskan kepada empat kumpulan mengikut kedalaman tanah sehingga lapisan dasar iaitu:

Kumpulan Gambut	Kedalaman (m)
i. Gambut cetek	0.5 – 1.0
ii. Gambut sederhana dalam	1.0 – 1.5
iii. Gambut dalam	1.5 – 3.0
iv. Gambut terlalu dalam	> 3.0

Secara kimianya, tanah gambut bersifat masam (biasanya nilai pH kurang daripada 3.5). Terdapat juga tanah gambut yang mengandungi lapisan sulfurik 0.50 m di bawah permukaan tanah. Secara semula jadi, tanah gambut mempunyai status kandungan nutrien makro dan mikro yang rendah seperti nitrogen (N), fosforus (P), kalium (K), magnesium (Mg), kuprum (Cu), zink (Zn) dan boron (B).


Dari segi fizikal pula, kebiasaannya paras air di kawasan tanah gambut adalah tinggi. Ini boleh menghadkan proses pereputan bahan organik kerana kekurangan pengudaraan dan boleh memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan pokok jika diusahakan. Kepadatan tanah gambut adalah rendah manakala sifat keronggaannya tinggi. Ini boleh menyebabkan pokok condong

dan mudah tumbang kerana akar tidak dapat memegang tanah dengan kuat. Tanah gambut akan mengalami kekecutan dan susutan apabila saliran dilakukan. Ini boleh mengakibatkan akar pokok terdedah di permukaan tanah. Pokok akan lebih mudah condong dan tumbang. Kekeringan berterusan akan terjadi sekiranya berlaku saliran yang berlebihan. Keadaan ini mengganggu pergerakan air dan kemungkinan besar pokok akan menghadapi masalah tekanan kekurangan air. Batang kayu yang biasanya terdapat di kawasan tanah gambut sama ada di permukaan atau terbenam di dalam tanah akan menimbulkan masalah dalam kerja pembangunan dan pengurusan tanah gambut.

Oleh itu, beberapa langkah pemuliharaan tanah gambut perlu dilakukan bagi mengawal dan mengatasi kelemahan tanah gambut sekiranya hendak diusahakan bagi tujuan pertanian. Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian sebelum memulakan aktiviti pertanian di tanah gambut ialah menyediakan sistem saliran yang baik, mengamalkan teknik penanaman dan pengurusan ladang yang betul serta membekalkan keperluan pembajaan yang lengkap kepada tanaman.



Rajah 1a. Tanah Siri Penor: jenis tanah gambut cetek.



Rajah 1b. Tanah Siri Tasik: jenis tanah gambut dalam.



Sumbangan: Nur Hanani bt Mansor  
(nurhanani@mpob.gov.my)



## Tat Buah-buahan

### Bahan-bahan

#### Pastrri

500 g tepung gandum  
190 g lelemak atau marjerin berasaskan sawit  
150 g gula halus  
1 biji telur (55 g)  
Coklat masakan untuk disapu pada pastrri

#### Kastad

1 cawan susu UHT atau susu segar  
60 g gula pasir halus  
2 biji kuning telur  
25 g tepung jagung  
25 g marjerin berasaskan sawit  
25 g mentega  
½ camca teh esen vanila

#### Hiasan

Buah-buah segar / buah-buahan dalam tin  
Glaze



### Cara Memasak

#### Pastrri

1. Pukul lelemak atau marjerin dengan gula hingga rata.
2. Masukkan telur sambil dikacau.
3. Campurkan tepung dan adun.
4. Tutup adunan dan biarkan selama 1 hingga 2 jam.
5. Canai adunan pastrri dan terap dengan penerap yang saiznya lebih besar daripada acuan tat. Letakkan pastrri yang telah diterap ke atas acuan tat. Dengan menggunakan pisau, kemaskan bahagian tepi pastrri.
6. Cucuk pastrri dengan garpu supaya tidak mengembang apabila dibakar.
7. Bakar pada suhu 180°C hingga masak. Biarkan sejuk. Pastrri yang telah masak ini dikenali sebagai kulit tat.
8. Sapu permukaan kulit tat dengan coklat masakan.

#### Kastad

1. Masak susu isi dalam periuk dengan api perlahan sambil dikacau.
2. Pukul kuning telur, esen vanila, gula dan tepung jagung dalam mangkuk besar.
3. Campurkan susu panas ke dalam mangkuk adunan dan kacau rata.
4. Curahkan adunan ke dalam periuk dan masak dengan api perlahan hingga pekat.
5. Padamkan api dan masukkan marjerin dan mentega.
6. Kacau rata dan sejukkan.

#### Tat

1. Masukkan kastad ke dalam kulit tat.
2. Hias buah-buahan yang telah dipotong di atas kastad.
3. Sapu dengan glaze supaya kelihatan berkilat.



# SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : **HASIL LUMAYAN TANAMAN AJAIB**

Akhbar : **Harian Metro, 7 Mac 2008**

Sawit yang turut dikenali 'tanaman ajaib' bakal mencecah nilai eksport RM 50 bilion buat kali pertama pada tahun ini sekali gus memberi kemakmuran kepada kira-kira 120 000 pekebun kecil seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak berkata, "harga minyak sawit ketika ini mencecah RM 4000 setan manakala buah sawit mencecah RM 760 setan, menjadikannya paras yang tidak pernah dijangka tetapi kini menjadi kenyataan".

"Ada orang kata tanaman ajaib ini mempunyai pelbagai kegunaan daripada buah, batang serta dahannya, tetapi hakikatnya ia menjadi ajaib kerana dasar diperjuangkan kerajaan".

Beliau berucap pada *Majlis Timbalan Perdana Menteri Bersama Pekebun Kecil dan Pekerja Ladang Sawit* anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini.

Tajuk : **SKIM SUBSIDI MINYAK SAWIT DIKAJI SEMULA**

Akhbar : **Berita Harian, 25 Mac 2008**

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan mengkaji semula skim subsidi minyak sawit pada Mei ini selepas dilaksanakan oleh kerajaan sejak Jun tahun lalu bagi memastikan bekalan produk berkenaan mencukupi dan harganya stabil di pasaran.

Menterinya, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, "kementerian kini memerlukan kerjasama daripada pemilik syarikat perladangan untuk mengemukakan cadangan dan hujah bernas bagi membantunya membuat persediaan melengkapkan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada kabinet berhubung perkara itu".

"Kita perlukan kerjasama berterusan daripada syarikat perladangan dan persatuan (yang mewakili syarikat perladangan) untuk membantu kementerian menyediakan maklumat yang diperlukan bagi memastikan semua pihak mendapat manfaatnya".

Tajuk : **KEPERLUAN PEKEBUN KECIL DITAMBAH**

Akhbar : **Utusan Malaysia, 4 April 2008**

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan menambah keperluan pekebun kecil dalam aspek peningkatan ilmu, teknikal serta penyediaan baka benih berkualiti untuk meningkatkan jumlah komoditi negara.

Menterinya, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, "keperluan tersebut amat diperlukan bagi meningkatkan jumlah pekebun kecil yang dianggarkan masih belum mencapai sasaran".

"Kita akan berusaha meningkatkan produktiviti pekebun kecil kerana kita lihat mereka mempunyai potensi dalam menyumbang keluaran hasil komoditi negara".



Sumbangan: *Noor Asmawati bt Abd Samad*



## KOS PEMBANGUNAN LADANG BARU DAN TANAM SEMULA

Kos pembangunan ladang adalah perkara penting yang perlu diambil kira selain daripada kesesuaian tempat, tanah, cuaca dan harga minyak sawit. Bakal pengusaha mestilah bersedia untuk memperuntukkan sejumlah wang bagi menentukan kejayaan projek. Sumber kewangan sama ada dari punca sendiri atau pembiayaan dari institusi kewangan.

Jumlah wang yang diperuntukkan mestilah mencukupi sehingga pokok sawit mengeluarkan hasil iaitu sehingga berumur 30 bulan selepas tanam. Untuk anak benih lanjut umur, pokok akan berbuah lebih cepat beberapa bulan bergantung pada pemulihannya dari rencatan semasa penanaman.

Kos pembangunan ladang berbeza mengikut saiz ladang, tempat, spesifikasi kerja yang ditetapkan dan juga bergantung pada jenis tanah.

Biasanya kawasan berbukit dan gambut memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding dengan tanah rata. Kos tebang tebas tanam semula sawit ke sawit tanpa perubahan infrastruktur dan menggunakan kaedah racikan batang (pembakaran sifar) adalah kurang berbanding tanaman baru. Secara umum, agihan anggaran kos pembangunan ladang berskala kecil adalah seperti *Jadual 1*.

Sekiranya pembinaan teres diperlukan, anggaran kos tambahan adalah sebanyak RM 1800/ha. Kos pembangunan di tanah gambut pula dianggarkan 15%-20% lebih tinggi berbanding tanah pedalaman untuk kerja binaan parit, jalan dan pemadatan lorong tuai, tambahan baja zinkam dan kupram sulfat. Harga di Sabah dan Sarawak dianggarkan lebih tinggi antara 10%-15%.

**JADUAL 1. ANGGARAN KOS PEMBANGUNAN TANAMAN SAWIT SEHINGGA MATANG (RM/ha)**

Bil.	Perkara	Tanaman baru (RM)	Tanam semula (RM)
1.	Penyediaan Kawasan		
	- Menebang tebas	1 200	-
	- Meracik sawit	-	890
2.	Penyediaan Infrastruktur		
	- Membina tapak tanaman ( <i>platform</i> ), 45 unit @ RM 3.50/unit*	160	160
	- Membina parit, 200 m/ha @RM 1/m	200	200
	- Membina jalan, 80 m/ha @ RM 2/m	160	160
3.	Penanaman		
	- Membaris sawit	45	45
	- Menanam kekacang penutup bumi	400	400
	- Menanam anak benih @148 pk/ha (termasuk anak benih, baja dan upah)	1 620	1 620
<b>Jumlah Kos Pembangunan</b>		<b>3 785</b>	<b>3 415</b>

sambungan dari muka surat 11

### Penyelenggaraan (Tahun 1 – 3 tahun)

1. Membaja		
- Tahun 1 = 3.3 kg /pk	1 170	1 170
- Tahun 2 = 6.6 kg /pk	2 350	2 350
- Tahun 3 = 6.9 kg /pk	2 450	2 450
2. Mengawal rumpai	720	720
3. Mengawal penyakit dan perosak	350	350
4. Kontigensi 5%	650	650
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>11 475</b>	<b>11 005</b>

Nota:

\*Jika perlu: untuk pemuliharaan tanah dan air.

Andaian:

- saiz ladang adalah kurang 100 ha.
- kategori tanah adalah tanah pedalaman. Rupa bumi adalah landai dan beralun. Binaannya semasa kerja tanam semula adalah untuk pembaikan kecil sahaja.
- harga anak benih dianggarkan RM 8/pk. Harga baja formulasi MPOB dianggarkan RM 2300/t (RM 115/bag 50 kg) dan batuan fosfat RM 1200/t (RM 60/bag 50 kg).



Sumbangan: Esnan bin Ab Ghani  
(esnan@mpob.gov.my)

sambungan dari muka surat 3



Pemeriksaan tahap pengurusan dan penyelenggaraan tapak semaian untuk OPNCC.

pendapatan pekebun kecil. Dengan adanya BPIP visi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk meningkatkan produktiviti industri sawit negara kepada 35:25 (hasil BTS 35 t/ha/thn dan kadar perahan minyak 25%) menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai.



Sumbangan: Wahid bin Omar  
(wahid@mpob.gov.my)

# DIARI & PERISTIWA

## a. Sepanjang Januari-April 2008

- **Kursus Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Pegawai TUNAS.** Kursus telah diadakan pada 13 hingga 27 Januari 2008 di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET), Bangi, Selangor. Kursus ini telah dirasmikan oleh Dato' Dr Mohd Basri Wahid, Ketua Pengarah MPOB. Seramai 38 pegawai TUNAS telah menghadiri kursus ini.
- **Seminar Pembangunan Pekebun Kecil dan Majlis Penyampaian Anak Benih Sawit Berkualiti kepada Pekebun Kecil Kawasan Beruas, Perak.** Program ini telah dirasmikan oleh Senator Dato' Dr S Vijayarajnam, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 22 Januari 2008. Seminar ini telah dihadiri oleh 350 peserta dan seramai 50 orang telah menerima bantuan anak benih sawit berkualiti. Turut hadir di seminar ini ialah Dato' Chang Ko Youn, Exco Kerajaan Perak dan Dato' Dr Choo Yuen May, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan) MPOB.
- **Ekspo Sawit Sabah.** Ekspo Sawit Sabah telah berlangsung di Centre Point, Kota Kinabalu, Sabah pada 16 hingga 18 Februari 2008. Perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Anifah Aman, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Turut hadir di majlis berkenaan ialah Dato' Dr Mohd Basri Wahid, Ketua Pengarah MPOB; Datuk Iliyas Ibrahim, Datuk Bandar Bandaraya Kota Kinabalu; Dr Salmiah Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB serta pegawai kanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan MPOB.
- **Seminar Pembangunan Pekebun Kecil dan Majlis Penyampaian Anak Benih Berkualiti kepada Pekebun Kecil Kawasan Bukit Gantang dan Changkat Jering, Perak.** Seminar ini yang dihadiri oleh 300 pekebun kecil telah diadakan pada 18 Februari 2008 di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering, Perak. Senator Dato' Dr S Vijayarajnam, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah menyempurnakan perasmian seminar dan menyampaikan bantuan anak benih kepada 50 pekebun kecil yang layak.
- **Seminar Pembangunan Pekebun Kecil dan Majlis Penyampaian Anak Benih Berkualiti kepada Pekebun Kecil Kawasan Membakut, Sabah.** Seminar ini yang berlangsung pada 18 Februari 2008 telah dirasmikan oleh Datuk Anifah Aman, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Seramai 400 pekebun kecil hadir di seminar ini.
- **Ekspo Komoditi 2008.** Ekspo anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah berlangsung di Miri, Sarawak pada 22 hingga 29 Februari 2008. Perasmian ekspo telah disempurnakan oleh Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi di Hotel Imperial, Miri.
- **Program Timbalan Perdana Menteri Bersama Pekebun Kecil dan Penglibatan Sektor Perladangan dalam Melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).** Majlis gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor pada 6 Mac 2008. Dianggarkan seramai 6000 pekebun kecil dan juga pekerja ladang dari seluruh negara telah hadir dan berkumpul untuk mendengar ucapan Timbalan Perdana Menteri. Turut hadir ialah Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Menteri Besar Selangor; Dato' Sabri Ahmad, Pengerusi MPOB dan Dato' Dr Mohd Noor Ismail, Pengerusi MPOA. Pada hari yang sama juga, satu Seminar Pembangunan Pekebun Kecil telah diadakan di Hotel Quality, Shah Alam untuk 300 pekebun kecil yang terpilih.



## JAWAPAN KUIZ SAWIT

- 1) Ciri-ciri *Compact Transporter*:
  - satu kerangka - mudah dikawal dan dikendalikan.
  - sesuai untuk kawasan berbukit, berteres sempit.
  - tahan lasak - dibuat daripada bahan besi lembut.
- 2) Kebaikan penggunaan *Compact Transporter*:
  - meningkatkan produktiviti/pendapatan.
  - mengurangkan penggunaan pekerja.
  - pengangkutan pelbagai guna.
- 3) Tiga jenis teres yang dibina di kawasan bukit:
  - teres pemuliharaan.
  - teres kembar.
  - teres tunggal.
- 4) Pembinaan teres biasanya dilakukan bagi kawasan yang beralun berkecerunan melebihi 6°.
- 5) Poliuretana adalah bahan plastik untuk kegunaan seharian seperti kepingan siling, bunga kering hiasan dan penyandar kepala untuk kereta.

# PROFIL KOMODITI

## PROFIL KOMODITI SAWIT (Januari-April 2008)

Harga minyak sawit yang terus memberangsangkan pada empat bulan pertama tahun 2008 bukan sahaja menyumbang pendapatan yang lumayan kepada negara, malah berjaya mempertingkatkan kesejahteraan hidup terutamanya pekebun kecil sawit.

Pendapatan pekebun kecil telah meningkat susulan daripada kenaikan harga buah tandan segar (BTS) dari RM 383 setan pada Januari-April 2007 ke RM 710 setan pada Januari-April 2008 bagi harga di Semenanjung. Bagi Sabah dan Sarawak, harga berada di paras RM 727 dan RM 717 setan bagi tempoh Januari – April 2008, berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu di paras RM 362 dan RM 365 setan. Kenaikan harga buah sawit ini selari dengan kenaikan harga minyak sawit mentah ke paras RM 3424 setan bagi empat bulan pertama 2008 berbanding RM 2010 setan (iaitu kenaikan RM 1414.50) bagi tempoh yang sama pada tahun 2007.

